

24 NOV 1999

DR MAHATHIR DI JOHOR UNTUK LAWATAN SINGKAT

JOHOR BAHARU, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dari Kuching untuk lawatan singkat.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai disambut oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Dari lapangan terbang, Perdana Menteri terus menuju ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Xze di Skudai untuk menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas majlis itu. --

BERNAMA

BH MAI